

Kerugian ekonomi akibat jerebu



Oleh **PROF. MADYA DR. MOHD. YUSOF SAARI**

JEREBU yang melanda negara beberapa minggu lalu memberi impak kepada ekonomi.

Kajian-kajian yang telah dilakukan ke atas Malaysia dan negara-negara lain jelas menunjukkan jerebu menyebabkan kerugian kepada ekonomi sesebuah negara.

Kesan jerebu ke atas ekonomi lazimnya bersifat sementara dan sejauh mana ia memberi impak bergantung tempoh jerebu berkenaan.

Kerugian kepada ekonomi akibat jerebu boleh dinilai secara langsung dan tak langsung.

Bagi kesan langsung, impak jerebu memberi kesan besar kepada kesihatan pekerja dan sektor pelancongan.

Impak ke atas kesihatan pekerja itu memberi implikasi kepada penjana pendapatan negara. Cerapan awal oleh Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan bilangan pesakit yang mendapatkan rawatan di klinik kesihatan di seluruh negara meningkat antara 20 sehingga 30 peratus akibat jerebu.

Hospital Shah Alam, Selangor dilaporkan menerima pertambahan bilangan pesakit di antara 40 sehingga 80 orang semasa tempoh jerebu.

Di Malaysia keseluruhannya, terdapat 42 hospital di bawah seliaan Kementerian Kesihatan.

Andaikan setiap hari sebanyak 40 pesakit yang terdiri daripada pekerja terkesan akibat jerebu.

Mengikut perangkaan produktiviti Malaysia, seorang pekerja menjana RM225 sehari kepada pendapatan negara.

Dengan mengambil perangkaan ini, negara berpotensi kehilangan pendapatan negara sebanyak RM378,000 sehari (40 x 42 x RM225) akibat daripada jerebu.

Perangkaan juga menunjukkan jerebu mengurangkan kehadiran



JEREBU memberi kesan besar kepada kesihatan pekerja dan sektor pelancongan. – Gambar hiasan

pelancong asing ke Malaysia. Contohnya, cerapan data oleh Jabatan Perangkaan menunjukkan, jerebu yang melanda negara pada tahun 2015 telah mengurangkan kehadiran pelancong sebanyak 1.1 juta orang.

Purata seorang pelancong asing berbelanja dalam negara dianggarkan sebanyak RM3,035.

Secara kasarnya, penurunan kehadiran pelancong asing adalah sebanyak 1.1 juta orang bermakna negara kehilangan RM3.3 bilion.

Penilaian sebenar

Kesan tidak langsung jerebu kepada ekonomi pula berlaku akibat kesan limpahan di sepanjang rantai bekalan di dalam ekonomi.

Contohnya, penurunan kehadiran pelancong akan memberi kesan kepada perbelanjaan ke atas perniagaan perhotelan dan restoran, aktiviti membeli-belah dan pengangkutan.

Begitu juga ketidakhadiran pekerja menyebabkan pengeluaran sesuatu produk dan perkhidmatan berkurangan.

Pengurangan pengeluaran ini akan menjejaskan sektor-sektor ekonomi lain yang bergantung kepada produk dan perkhidmatan yang terjejas tadi.

Biarapun jerebu juga mendatangkan kesan positif

kepada sektor berkaitan perubahan seperti peningkatan permintaan ke atas penutup muka dan ubat-ubatan, tetapi kesan positif ini adalah lebih kecil berbanding dengan kesan negatif akibat jerebu.

Kesan kerugian ekonomi yang dihuraikan ini hanyalah sebahagian saja daripada kesan sebenar akibat jerebu. Penilaian sebenar ke atas kerugian ekonomi akibat daripada jerebu perlu dilakukan untuk tujuan tindakan susulan.

Contohnya, jika Malaysia ingin menuntut kerugian kepada negara jiran dan syarikat-syarikat berkenaan, maklumat berkaitan dengan kerugian ekonomi perlulah disediakan terlebih dahulu.

Jerebu jelas mendatangkan kerugian kepada ekonomi. Ia menuntut kepada penyelesaian mutlak. Hal ini kerana jerebu boleh menjadi ancaman ekonomi jangka masa panjang kepada negara-negara terbabit. Contohnya, seperti yang kita hadapi sekarang apabila Kesatuan Eropah telah menggunakan alasan alam sekitar sebagai halangan bukan tarif kepada eksport minyak kelapa sawit.

● **PENULIS** ialah pensyarah di **Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia (UPM)** dan juga **Ketua Laboratori Kaedah Kuantitatif Analisis Dasar, Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan di UPM.**